

ATM perlu tangkas tarik belia bukan Melayu

Dzuhailmi Dahalan



Pegawai Penyelidik Sosial, Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia

Dalam konteks masyarakat majmuk di negara ini, penyertaan seimbang dalam kalangan rakyat pelbagai etnik di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menjadi penunjuk patriotisme unggul.

Tanpa menafikan semangat patriotisme boleh dizahirkan melalui pelbagai cara dan bidang tertentu, pembabitkan dalam ATM boleh mengesahkan tahap patriotisme masyarakat di negara ini.

Pencapaian negara dalam ekonomi, pendidikan, sukan dan budaya pasti sukar jika negara berhadapan dengan konflik peperangan, konfrontasi dan huru-hara. Justeru, sektor pertahanan akan mewujudkan iklim negara positif dan memastikan bidang pembangunan negara seperti ekonomi, teknologi, pendidikan, pertanian serta sukan dapat berkembang dan berdaya maju.

Namun, penyertaan masyarakat bukan Melayu dalam ATM masih menjadi isu tidak berkesudahan. Hal itu diakui Kementerian Pertahanan (MINDEF) dalam jawapan Parlimen pada 2010 bahawa penyertaan bukan Melayu masih berkurangan walaupun

ada sedikit peningkatan. Pada ketika itu, penyertaan bukan Melayu 17,521 orang, iaitu 15.25 peratus daripada kekuatan ATM.

Bagaimanapun, bekas Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor pernah menegaskan ATM tidak pernah menutup peluang mana-mana kaum untuk menyertai ATM. Beliau menekankan ATM mahu lebih ramai bukan Melayu menyertai organisasi pertahanan supaya perpaduan dalam kalangan anggota ATM khususnya dan masyarakat amnya dapat diperkukuhkan.

Atas alasan itu, Persatuan Veteran Kaum Cina Tentera Darat Malaysia (MACVA) pernah didaftarkan secara rasmi bertujuan menarik belia Cina menyertai ATM. Bekas Pengerusinya, Dr Leong Weng Foon, MACVA memberi tumpuan kepada orang muda untuk menyertai ATM melalui program lawatan ke sekolah dan universiti, selain bekerjasama dengan pelbagai persatuan melalui penganjuran aktiviti ceramah, kem motivasi serta seminar.

Melalui program itu katanya, MACVA dapat berkongsi ilmu dan kepakaran serta pengalaman berkhidmat dalam ATM, selain menyemai aspek penting pembinaan negara dalam diri generasi muda seperti nilai patriotisme, ciri kepemimpinan, pemikiran kreatif dan semangat setiakawan.

Umum mengetahui, pelantikan Senator Liew Chin Tong sebagai Timbalan Menteri Pertahanan bukan kali pertama berlaku dalam sejarah Malaysia, malah menjadi



ATM mampu satukan perpaduan dan tanamkan semangat jati diri rakyat berbilang kaum di negara ini. (Foto hiasan)

galakan kepada bukan Bumiputera menyertai ATM.

Hal itu diakui sendiri Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu yang menegaskan beliau tidak mahu sektor pertahanan negara hanya dikawal Bumiputera sahaja, sekali gus menggesa penyertaan bukan Bumiputera ke dalam ATM khususnya Cina dan India.

Di sebalik pelbagai aktiviti dijalankan ATM dan MACVA, penyertaan belia bukan Melayu dalam ATM masih dingin seperti dilaporkan media massa. Dari aspek patriotisme, perpaduan dan integrasi etnik, penyertaan rakyat merentas bangsa sangat penting dan perlu mengatasi segala pertimbangan kerana ia membabitkan persoalan kesejahteraan negara.

Wajar untuk difikirkan apakah tahap semasa kesediaan bukan Melayu untuk menyertai ATM dalam hal ini? Apakah tanggapan mereka mengenai kerjaya bersama ATM? Apakah mereka berkesempatan terbabit dalam prog-

ram promosi ATM dan MACVA? Jika ada pembabitkan, apakah pandangan mereka terhadap promosi itu sama ada berkesan atau masih gagal menarik minat?

Tidak banyak kajian ilmiah mengkaji isu ini. Berdasarkan carian menggunakan kata kunci terpilih dan berkaitan di pangkalan data Google Scholar dan Scopus, penulis hanya menemui dua tulisan, iaitu Mengapa kaum Cina Memberi Layanan Yang Dingin Terhadap Jawatan Dalam Angkatan Tentera Malaysia oleh Tzyh Chang Lim dan *The Issue Saliency of the Military-Ethnic Connection: Some Thoughts on Malaysia* (H Enloe Cynthia).

Kajian Chang Lim menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik kajian perpustakaan bersumberkan data sekunder, manakala data primer membabitkan dapatan temu bual bersama beberapa anggota tentera, penyunting majalah dan pegawai kerajaan.

Chang Lim dalam tulisannya

mengingatkan kekurangan bukan Bumiputera dalam ATM tidak boleh dipandang ringan kerana ia menyebabkan *set back* yang serius kepada kerajaan dalam usaha mencapai perpaduan.

Menurut Chang Lim, ATM dapat memainkan peranan penting dalam usaha mencapai integrasi nasional, iaitu dengan memberi hak kepada rakyat Malaysia membuktikan kecintaan mereka terhadap negara melalui perkhidmatan bersama ATM. Namun, ia tidak diambil semua lapisan masyarakat khususnya Cina, lalu menyulitkan usaha memupuk perpaduan negara.

Menurut beliau, sejarah membuktikan sesebuah negara yang memiliki masyarakat majmuk perlu mempunyai anggota tentera berbilang kaum supaya komposisi rakyat mengikut kaum, umur dan jantina seimbang. Beliau mengambil contoh seperti apa berlaku ketika Perang Dunia Kedua yang keseluruhan anggota tentera Amerika Syarikat membabitkan kulit putih sahaja.

Atas alasan terdapat kepentingan nasional menarik minat belia bukan Melayu di negara ini untuk menyertai ATM, kerelevanan objektif MACVA, perantikan Chin Tong sebagai Timbalan Menteri Pertahanan dan penemuan ilmiah yang sedikit dan klasik serta dapatan yang tidak boleh digeneralisasikan mewakili semua kaum bukan Melayu, penulis menekankan kajian empirikal untuk meneliti kesediaan semasa belia bukan Melayu di Malaysia menceburi ATM perlu dijalankan.